

02/08/2003

99 projek makmal komputer sekolah terbengkalai: MB

Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Sebanyak 99 daripada 136 projek pembinaan makmal komputer sekolah di Negeri Sembilan dikesan terbengkalai.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata kebanyakan makmal itu dibina di bawah fasa pertama.

Katanya, daripada 37 makmal yang siap di bawah fasa berkenaan, hanya dua buah sekolah di Rembau yang sudah menerima komputer yang dibekalkan oleh Mimos.

Bagi fasa kedua yang mengandungi 86 projek, 84 daripadanya sudah disiapkan dengan 48 sekolah sudah menerima komputer masing-masing, katanya.

"Di bawah fasa ketiga, empat daripada lima projek sudah siap. Bakinya akan siap dalam jangka masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Negeri, di sini.

Isu pembinaan makmal komputer sekolah sebelum ini menjadi isu utama apabila banyak daripadanya didapati terbengkalai, sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati banyak pihak termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang kecewa terhadap kontraktor Bumiputera kerana gagal menyiapkan projek berkenaan sepertimana dijadualkan, memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap kontraktor yang gagal melaksanakannya.

Mohd Isa berkata, fasa ketiga projek tidak menghadapi masalah kerana ia diletak di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kita yakin ia akan siap sepenuhnya seperti dijadualkan.

"Kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) akan memantau perkembangan projek berkenaan dari semasa ke semasa sehingga ianya dapat disiapkan sepertimana yang dikehendaki," katanya.

Mengulas mengenai pengurusan bekalan air yang akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat, Menteri Besar berkata kerajaan negeri sudah menyatakan persetujuan dan ianya adalah satu langkah yang tepat demi kepentingan rakyat.